

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	26 FEBRUARY 2015

## PM lancar UTC Sarawak hari ini

UM - 26/2/2015

**KUALA LUMPUR 25 Feb.** - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak akan melancarkan Pusat Transformasi Bandar (UTC) Sarawak di pekarangan medan letak kereta Taman Permata, Kuching yang kini dikenali sebagai Top Spot, esok.

Menurut kenyataan Kementerian Kewangan hari ini, majlis pelancaran itu akan turut disertai oleh beberapa Menteri Kabinet, Ketua Setiausaha kementerian, Ketua-ketua jabatan, syarikat milik kerajaan (GLC) dan pihak swasta.

• "Perdana Menteri juga dijadualkan melawat beberapa perkhidmatan dan agensi lain yang terdapat di UTC tersebut.

"Pada majlis tersebut, pelbagai aktiviti lain turut diadakan, antaranya cabutan bertuah, persembahan artis dan Mobile Community Transformation Centre (Mobile CTC) yang menawarkan nasihat tentang cukai barangan dan perkhidmatan (GST) bermula pukul 6 petang," kata kenyataan itu.

UTC adalah salah satu inisiatif Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) yang diumumkan Perdana Menteri pada April 2012.

UTC merupakan pusat sehenti pelbagai perkhidmatan kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan swasta di bawah satu bum-

bung.

Jelas kenyataan itu, UTC Sarawak akan beroperasi setiap hari bermula 8' pagi hingga 9 malam kecuali cuti umum.

"Seperti tujuh UTC lain sebelum ini, sebanyak 10 kluster telah dirangka, antaranya perkhidmatan guna sama kerajaan, kesihatan, keselamatan, pendidikan, latihan dan pekerjaan serta kewangan.

"Selain itu, perkhidmatan pembangunan perniagaan dan keusahawanan, utiliti, pembangunan belia, kebajikan dan pembangunan masyarakat dan NGO yang dijemput dari semasa ke semasa turut tersenarai dalam kluster itu," kata kenyataan tersebut.

Dalam pada itu, menurut kenyataan itu, inisiatif UTC dan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) merupakan pelengkap kepada Program Transformasi Komuniti (CTP) bagi memastikan segala usaha dan perkhidmatan kerajaan dapat dimanfaatkan secara maksimum oleh rakyat.

"RTC lebih menumpukan kepada pembangunan ekonomi dan pelaksanaan aktiviti-aktiviti bercorak nilai tambah yang tinggi di kawasan luar bandar seperti sektor pertanian, pemprosesan agromakanan, pembangunan per-

magaan dan keusahawanan aan khidmat kesihatan.

"UTC lebih kepada menyediakan perkhidmatan utama kerajaan dan sektor swasta dalam satu pusat atau bangunan. UTC juga berperanan sebagai pusat setempat bagi aktiviti belia, NGO dan komuniti usahawan," kata kenyataan itu.

Tambah kenyataan berkenaan, setakat ini, tujuh RTC telah dilancarkan iaitu di Gopeng, Perak; Kota Bharu, Kelantan; Al-Muktafi Billah Shah, Terengganu; Pekan, Pahang; Kulai Jaya, Johor; Napoh, Kedah dan Bekenu, Sarawak.

"Kami telah membina lapan UTC dan Sarawak yang paling baharu. Selain UTC, kami juga mempunyai mini UTC kerana di tempat kepadatan penduduk tinggi, permintaan tinggi. Contohnya, di Kuala Lumpur dua Mini UTC telah dibina di Sentul dan Keramat.

"Perbincangan sedang dijalankan untuk melaksanakan UTC dan Mini UTC di tujuh lagi lokasi iaitu di Kelantan, Kedah, Terengganu, Perlis, Negeri Sembilan, Sabah dan Sarawak.

"Pihak kerajaan berharap, komuniti bandar dapat mengambil peluang untuk mengoptimumkan penggunaan perkhidmatan di UTC," kata kenyataan itu.